

Kelab Penyayang UMS dan UCSF adakan Program CSR

UB 29.11.2018 B2

KOTA KINABALU: Seramai 25 pelajar Politik Alam Sekitar Antarabangsa Fakulti Kemanusiaan, Seni, dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Program Corporate Social Responsibility (CSR) di Sekolah Kebangsaan (SK) Tampulan, Telipok, Sabah yang bertemakan 'Today Trees, Tomorrow Future'.

Program itu anjuran bersama Kelab Penyayang UMS, University College Sabah Foundation (UCSF) dan pihak pengurusan SK Tampulan.

Kesemua 80 orang pelajar

SK Tampulan dari pelajar pra-sekolah sehingga tahun 6 menyertai program itu.

"Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar dalam kalangan pelajar di SK Tampulan di samping memupuk semangat pelajar untuk memelihara serta memulihara alam sekitar.

"Ia memberi peluang siswa-siswi FKS W agar menjadi pelajar yang proaktif dalam melaksanakan program sekaligus menambahkan jaringan," kata Pengarah Program Syafiqah Abd Kadi.

"Aktiviti-aktiviti menarik juga turut diadakan seperti ceramah daripada Pensyarah Khidmat Masyarakat dari UCSF dan turut diadakan senamrobik, kuiz, aktiviti menanam bunga serta beberapa aktiviti permainan dalam kumpulan yang sangat meriah.

"Pelajar UMS yang terlibat juga turut membantu mengelat kelas murid darjah tiga yang dibina oleh pelajar Kelab Penyayang UMS baru-baru ini," katanya.

Majlis perasmian program itu disempurnakan oleh Pensyarah kursus Politik Alam Sekitar Antarabangsa, Marja Azlima Omar.